

CNS1095

U CB 09-09 00171 BB360

bah

MALAYSIA INCIN DIKENALI SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN YANG BAIK

Mahathir - Pelancongan

EMBARCO: Untuk siaran selepas 11 malam ini

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Malaysia ingin dikenali sebagai destinasi pelancongan yang baik tetapi tidak mahal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, ini dapat dilakukan kerana kos sara hidup di negara ini rendah yang bukan sahaja menguntungkan pengusaha pelancongan dalam jangka panjang tetapi juga membantu ekonomi negara.

Katanya, bayaran di Malaysia dan bayaran yang dikenakan di negara-negara maju yang kos sara hidupnya tinggi tidak harus dibandingkan.

+Mengenakan bayaran yang tinggi kerana negara lain mengenakan bayaran lebih tinggi mungkin memberi keuntungan sementara tetapi akhirnya kos akan meningkat dan keuntungan merosot,+ katanya semasa berucap pada Malam Industri Pelancongan Malaysia di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tarif atau sewa yang murah tetap menarik tetapi jika tarif terlalu murah semata-mata kerana tempat penginapan tidak selesa mungkin tidak meningkatkan sebaliknya boleh mengurangkan bilangan pelancong. -- Lagi

♥09/09/20-44MST

CNS1096

U CB 09-09 00120 BB361

bah

Mahathir - Pelancongan 2 Kuala Lumpur (EMBARCO)

+Kita perlu menentukan bahawa kemudahan yang disediakan menarik pelancong mewah dan sederhana,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, industri pelancongan bukan untuk tahun-tahun tertentu sahaja tetapi untuk selama-lamanya dan justru itu, amatlah penting semua pihak yang terbabit memikirkan bukan pendapatan hari ini tetapi pada masa depan.

Beliau berkata, perkara ini harus ditekankan kerana ada yang berpendapat bahawa pelancong tidak akan datang semula.

Perdana Menteri berkata, jika amalan mengenakan bayaran yang terlalu tinggi atau memberi layanan yang buruk diteruskan, industri pelancongan lama-kelamaan akan merosot.

Semua pihak yang terlibat dengan industri pelancongan mesti memberi layanan seolah-olah pelancong akan datang lagi, katanya. -- Lagi

♥09/09/20-45MST

CNS1097

U CB 09-09 00069 BB362

bah

Mahathir - Pelancongan 3 Kuala Lumpur (EMBARCO)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata industri pelancongan menguntungkan daripada industri lain kerana pelancong luar membelanjakan wang yang menyumbang kepada hasil pendapatan asing secara langsung dan sepenuhnya.

Beliau berkata, tidak mustahil bilangan pelancong meningkat kepada 20 juta orang pada tahun 2000 iaitu sama banyak dengan jumlah penduduk Malaysia menjelang tahun itu. -- Bernama

♥09/09/20-45MST